

## **INTEGRITI MENURUT PERSPEKTIF WAHYU: KAJIAN PERANANNYA DALAM PEMBANGUNAN LESTARI ISLAM**

### **INTEGRITY FROM THE PERSPECTIVE OF REVELATION: AN ANALYSIS OF ITS SIGNIFICANCE IN ISLAMIC SUSTAINABLE DEVELOPMENT**

**Siti Sarah Izham\***

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author. Emel: sarahizham@uitm.edu.my

**Noor Aznaim Abd Latif**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Emel: aznaim@uitm.edu.my

**Siti Nor Amira Mohamad**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Emel: sitinoramira@uitm.edu.my

**Shahirah Said**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia.

Emel: shahirah4572@uitm.edu.my

#### **ABSTRAK**

Islam adalah agama yang syumul yang di dalamnya merangkumi pelbagai aspek seperti ibadah, hukum halal dan haram, hubungan sesama manusia bahkan juga hubungan sesama alam. Sebagai manusia yang diciptakan Allah sebagai khalifah, tugas mereka bukan sahaja menjadi pemimpin, bahkan juga menjadi pemakmur alam ini. Panduan dalam pemakmuran alam ini telah disebutkan oleh Allah s.a.w. dalam al-Quran dan

Nabi s.a.w. dalam hadithnya. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa pelestarian alam ini telah diperbincangkan dalam wahyu dan menjadikan aspek yang sangat penting untuk diketahui dan diaplikasi dalam kehidupan. Justeru itu, kajian ini dijalankan iaitu bagi menambah kajian-kajian yang sedia ada berkaitan pembangunan lestari Islam dengan memberi penumpuan kepada sifat atau perbuatan yang perlu dididik dalam memastikan matlamat pelestarian menurut Islam dilaksana dengan jayanya. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif iaitu analisis dokumen dan temubual separa berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa integriti sangat penting dan amat diperlukan dalam pembangunan lestari Islam. Bagi memastikan ia berjalan dengan baik, pemupukan integriti ini mestilah bermula dari awal iaitu didikan dalam keluarga. Kajian sebegini sangat penting supaya alam ini akan terus terjaga dan terpelihara sebagaimana yang telah Allah pertanggungjawabkan kepada manusia selaku khalifah atas muka bumi ini.

**Kata Kunci:** Integriti, pelestarian Islam, wahyu, didikan

### ABSTRACT

Islam is a holistic religion that integrates all aspects of life, including worship, adherence to halal and haram principles, interpersonal relationships, and the human connection with nature. Allah entrusts humans as caliphs on Earth with responsibilities that extend beyond leadership, encompassing stewardship and the pursuit of success in this world and the hereafter. For Muslims, the Quran and Hadith provide guidance on achieving success, emphasising the significance of environmental conservation as an essential principle of Islamic teachings. This study aims to contribute to the ongoing discourse on sustainable development in Islam by exploring the key values and behaviours necessary for achieving conservation in accordance with Islamic principles. Utilising a qualitative methodology that includes document analysis and semi-structured interviews, the researchers identify honesty as a pivotal element in promoting sustainable development. The findings emphasise that instilling moral uprightness, beginning with familial education, is fundamental for fostering a conscious approach to environmental stewardship. This research underscores the critical role of Islamic

teachings in safeguarding the natural environment, reaffirming humanity's divine responsibility to serve as stewards of the Earth.

**Keywords:** Integrity, Preservation of Islam, Revelation, Education.

## 1. PENDAHULUAN

Perbincangan berkaitan pelestarian begitu hebat dibahaskan. Ia tidak lain sebagai usaha untuk memastikan alam ini berada dalam keadaan baik dan terpelihara untuk generasi-generasi akan datang. Pelbagai formula, usaha dan implimentasi dilakukan. Bukan sahaja dalam Malaysia bahkan juga seluruh negara didunia. Ia bermula pada abad ke-18 dan abad ke-19, apabila Amerika Utara menyedari bahawa penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar amat diperlukan yang membawa kepada antara punca awal kemunculan pembangunan lestari (Grove, 1992; Pepper, 1984; Aafifah, 2018). Suasana ketika itu membawa teretusnya kebangkitan pergerakan sosial dan politik yang memperjuangkan alam sekitar. Menurut Neimark dan Rhoades Mott (1999), sekalipun gerakan pemuliharaan alam sekitar telah lama wujud iaitu sejak abad ke-19 dalam kalangan intelek, namun kebimbangan tentang masa depan kesejahteraan negara semakin meruncing (Aafifah, 2018).

Rentetan kesedaran pelbagai pihak tentang alam sekitar ini menjadikan isu-isu berkaitan kepentingannya cepat menjadi tumpuan dalam bidang politik antarabangsa. Bermula 1972, Persidangan Stockholm menjadi permulaan kepada usaha-usaha antarabangsa dalam menangani isu berkaitan alam sekitar. Persidangan yang dihadiri oleh 113 negara tersebut membincangkan isu hubungan antara kualiti hidup manusia dengan kualiti alam sekitar serta menyediakan asas konseptual pembangunan lestari. Selepas itu, pelbagai persidangan dijalankan dengan antara pokok perbahasan berkaitan pelestarian. Pada 1987, melalui Suruhanjaya Dunia mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (World Commission on Enviroment Development, WCED) telah mengemukakan satu laporan yang dinamai "Laporan Brundtland 1987". Di dalam laporan ini, istilah "sustainable development" diberi pentakrifan sebagai pembangunan yang memenuhi keperluan masa ini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka (Aafifah, 2018).


Sehingga ke hari ini, perbincangan pembangunan lestari terus berjalan. Ia tidak menampakkan noktah lantaran pelbagai isu baharu muncul dan jalan penyelesaiannya dilihat hanya berkisar dari pandangan manusia sahaja. Oleh itu, sudah tiba masanya untuk kembali kepada petunjuk wahyu dalam menyelesaikan hal berkaitan pembangunan lestari. Kajian ini akan membahaskan berkaitan integriti menurut perspektif wahyu dan perkaitan di antara integriti dan pembangunan lestari Islam.

Kajian ini dilihat sangat penting, agar matlamat pembangunan lestari dapat dilaksanakan dengan cepat dan beretika lantaran ia dirujuk dari sumber yang autentik iaitu Tuhan Yang Maha Mencipta dunia dan alam ini, Allah azzawajal.

## 2. Pembangunan Lestari

Pembangunan lestari adalah satu bentuk pembangunan yang memenuhi keperluan semasa serta masa hadapan bagi mencapai kesinambungan antara pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar tanpa menjejaskan keperluan bagi generasi seterusnya. Definisi pembangunan lestari ialah pembangunan yang dilaksanakan tanpa melupakan sumber dan secara mesra alam. Ia sebagai salah satu langkah sokongan untuk memelihara sistem kehidupan supaya manusia dan hidupan lain ini dapat menyalurkan keperluan secara berterusan pada masa hadapan. Keseimbangan diberi penekanan terhadap alam semulajadi supaya dapat mengurangkan pengeksploitasian sumber alam (UNESCO, 2002; Ahmad Nazrul & Wan Norhaniza, 2020).

Sebagaimana yang disebutkan tiga elemen penting dalam pembangunan lestari ialah ekonomi, sosial dan alam sekitar. Rajah 1: -.




Rajah 1: Tiga elemen penting dalam pembangunan lestari

## 3. Pembangunan lestari dari kaca mata Islam

Pembangunan lestari bukan sahaja dipelopori oleh barat, tetapi turut juga pada negara-negara Islam. Walaubagaimanapun, negara-negara Islam yang berpartisipasi dan mengangkat agenda ini tidaklah begitu menonjol. Sekalipun begitu, perbincangan berkaitan pembangunan lestari Islam bukanlah satu konsep baru bagi umat Islam.

Menurut Mohd Shukri dan Wan Norhaniza (2016), pembangunan lestari Islam merupakan satu bentuk pembangunan berteraskan Islam yang lahir daripada acuan tasawur Islam. Dalam acuan tasawur Islam ini, dua dimensi hubungan terlibat secara vertical (menegak) yang disebut sebagai dimensi hubungan habl min Allah dan secara

horizontal (mendatar) yang disebut sebagai dimensi hubungan dengan manusia, *habl min al-nas*. Ditambah lagi satu perhubungan penting adalah *habl min 'alam* iaitu hubungan dengan alam. Manusia sama sekali tidak boleh menafikan bahawa mereka mesti menjaga alam ini. Ini bertepatan dengan dua tugas utama manusia diciptakan: -



Rajah 2: Tujuan utama manusia diciptakan

Manusia telah ditentukan tujuan kejadian dan penghidupannya di dunia oleh Tuhan, pertama; untuk beribadah kepada Allah dan kedua; menjadi khalifah (pemimpin) di muka bumi ini (Nor Hanani et. al, 2021). Dalam surah al-Zaariyat ayat 56, Allah sw.t. berfirman yang bermaksud "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu" dan dalam surah al-Baqarah ayat 30 Allah berfirman yang bermaksud "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya". Kedua-dua ayat ini merupakan dalil tujuan utama manusia dihidupkan. Oleh itu, lantaran kerana tugas utama manusia diciptakan, selain untuk beribadah iaitu menjadi hamba Allah yang taat, manusia diciptakan untuk menjadi khalifah iaitu pemegang amanah menguruskan bumi ini. Manusia diberikan tugas menjaga alam ini, memakmurkan dan memelihara alam sekitar.

Bagaimana cara manusia hendak menjadi khalifah yang baik di atas muka bumi? Sudah pasti manusia perlu kembali kepada panduan Tuhan yang menciptakan alam ini. Terdapat lebih 500 ayat al-Quran yang menyentuh berkaitan kelestarian, penjagaan alam sekitar, keadilan sosial dan ekuiti (Aburounia & Sexton, 2006; Siti Nur Aafifah, 2018). Menurut Niaz Ahmed Khan (2001), cara hidup Islam memberi panduan untuk manusia hidup dengan aman dan damai dalam persekitaran. Pencapaian pembangunan lestari ini bergantung kepada manusia kerana dalam Islam, manusia merupakan khalifah untuk menjaga alam sekitar sejajar dengan pembangunan yang dilakukan bukan dengan memusnahkan alam sekitar (Ahmad Nazrul & Wan Norhaniza, 2020). Inilah yang sepatutnya dilakukan.

Meninjau dari perspektif Islam, pembangunan lestari ialah pembangunan yang mencapai kesederhanaan ataupun keseimbangan dalam aspek fizikal, sosial, politik,

ekonomi dan budaya manusia pada masa ini yang bergerak seiring dengan pembangunan lestari supaya generasi akan datang dapat menikmati segala sumber yang telah disediakan oleh Allah SWT kepada setiap makhluk ciptaannya (Shahrir, 2012; Ahmad Nazrul & Wan Norhaniza, 2020). Menurut Hafsa Orhan Astrom (2011), membicarakan berkaitan pembangunan lestari tidak hanya terbatas kepada aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar, malah ia perlu meliputi pembangunan rohani dan sosiobudaya. Menurut Sapia Moalam Abdulrachman (2011), tingkah laku manusia yang tidak dipengaruhi dengan penerapan aspek kerohanian Islam dalam dirinya boleh menghalang kelancaran pembangunan lestari yang dijalankan (Siti Nur Aafifah, 2018).

#### **4. PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan utama yang membawa kepada penyelidikan ini adalah melihat betapa pentingnya pembangunan lestari dalam kehidupan masakini. Hakikatnya Islam telah terlebih dahulu memberi petunjuk dalam memastikan alam ini berada dalam keadaan lestari. Tetapi kerana kerakusan manusia, alam ini tidak dijaga dengan baik. Salah satu elemen penting dalam menjangkakan usaha Pembangunan lestari dari kacamata Islam adalah melalui wujudnya sifat integriti dalam setiap diri Muslim. Maka, kajian ini merungkai apakah yang dimaksudkan integriti daripada perspektif wahyu dan apakah peranannya dalam usaha Pembangunan lestari Islam.

#### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah: -

- i. Menjelaskan integriti dari perspektif wahyu
- ii. Menganalisis peranan integriti dalam Pembangunan Lestari Islam.

Analisis kandungan dokumen merupakan salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif. Analisis kandungan dokumen juga merupakan kajian yang digunakan bertujuan untuk membuat satu kesimpulan yang diulang dan disahkan daripada bahan-bahan lain seperti teks yang berpandukan kepada objektif dan konteks yang digunakan oleh penyelidik (White & Marsh, 2006; Krippendorff, 2004). Justeru itu, analisis kandungan dokumen melibatkan beberapa proses dan prosedur khusus agar penyelidik dapat menghasilkan pandangan baru, meningkatkan kefahaman terhadap fenomena yang dikaji dan dapat menjelaskan sesuatu dapatan secara praktikal. Dalam penyelidikan ini, analisis kandungan dokumen berperanan sebagai teknik pengumpulan data dan analisis data terhadap dokumen yang dikaji.

Oleh itu, terdapat empat teknik atau prosedur yang digunakan oleh penyelidik sepanjang analisis kandungan dokumen ini dijalankan iaitu persampelan dokumen, membaca dokumen, menganalisis teks dokumen dan menjawab persoalan kajian (Krippendorff, 2004; White & Marsh, 2006). Penyelidik memulakan dengan membuat

persampelan dokumen berdasarkan isu yang telah ditetapkan iaitu berkaitan integriti menurut perspektif wahyu. Disamping itu, pemilihan dokumen juga berdasarkan persoalan kajian yang dibina iaitu apakah perkaitan integriti dalam pembangunan lestari Islam? Daripada pencarian penyelidik terdapat tiga dokumen penting yang terlibat iaitu artikel-artikel daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kata kunci “pembangunan lestari, pembangunan lestari Islam” dan ayat-ayat al-Quran dan hadith terpilih yang memfokuskan kepada kata kunci “integriti menurut al-Quran dan hadith”.

Seterusnya, penyelidik menghuraikan apa yang telah dibaca dan dianalisis kepada satu unit yang bermakna, mengenalpasti struktur-struktur yang menarik di dalam dokumen dan mengartikulasikan semula kefahaman penyelidik secara berurutan dan secara menyeluruh.


## 5 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian akan dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, integriti menurut perspektif wahyu. Dan kedua, perkaitan di antara integriti dalam pembangunan lestari Islam.

### 5.1 Integriti menurut perspektif wahyu

Integriti menurut perspektif wahyu ialah perbahasan integriti yang dapat dikeluarkan dari al-Quran dan hadith Nabi s.a.w. Integriti adalah sebahagian daripada akhlak Islam yang merupakan manifestasi jiwa kehambaan seorang manusia dengan Penciptanya. Bukan sekadar melibatkan hubungan dengan Pencipta, pengamalan integriti ini dapat diperhatikan menerusi tindakan seseorang hamba dalam interaksinya dengan sesama makhluk (Muhamad Hafizuddin, 2021). Perbincangan berkaitan integriti banyak dilakukan, walaubagaimanapun apabila dikaitkan dengan perspektif Islam, ia belum menemui jawapan yang tuntas. Kepelbagaian kajian dan dapatan menghasilkan pelbagai konsep, jenis dan pembahagian berkaitan integriti menurut perspektif Islam. Apa yang penting, integriti merupakan ciri yang berkait rapat dengan keperibadian seseorang. Ia meliputi amalan, tingkah laku, sikap, perbuatan, cara menjalankan tugas harian dan perhubungan tiga dimensi yang melibatkan hubungan dengan Allah SWT, manusia sesama manusia dan dengan alam dan juga manusia dengan dirinya sendiri. Istilah integriti ini begitu luas dan merangkumi beberapa aspek seperti etika, tadbir urus, disiplin, ketelusan dan sebagainya. Ringkasnya, istilah integriti tidak terlepas daripada unsur budi pekerti yang baik dan ia ditunjangi oleh kejujuran (Zubayry Abady Sofin, 2008; Muhamad Hafizuddin, 2021).

Melalui kajian penulis yang telah diterbitkan, penyebutan kalimah integriti tidak disebutkan secara langsung di dalam ayat al-Quran. Tetapi ia dapat dilihat menerusi komponen utama pembentukan integriti, iaitu:-





### Rajah 3: Komponen utama pembentukan integriti

Taqwa diletakkan sebagai yang pertama dalam komponen integriti kerana ia melibatkan keyakinan, kebergantungan dan kepercayaan kepada Allah. Taqwa daripada segi bahasa ialah mencegah diri dari hal yang tidak disukai, kata akarnya ialah qawa iaitu yang berasal dari al-wiqayah iaitu pencegahan. Dari sudut istilah pula, menurut Ibn Abbas, taqwa ialah seorang mukmin yang menjauhkan diri dari kemusyrikan terhadap Allah SWT, dan mereka selalu beramal dengan taat kepada-Nya. Selain itu, Ibn Abbas berpandangan orang yang bertaqwa adalah orang yang takut terhadap siksaan Allah SWT dalam meninggalkan hidayah yang mereka ketahui, dan mereka mengharapkan rahmat-Nya dalam membenarkan apa yang didatangkan-Nya. Menurut Hassan al-Basri pula, orang yang bertaqwa ialah orang yang memelihara diri daripada hal yang diharamkan oleh Allah SWT dan menunaikan hal yang difardukan-Nya (Kamarul Azmi Jasmi, 2018; Siti Sarah et. al, 2023).

Setelah seseorang itu memiliki rasa takut kepada Allah, ia akan menerbitkan sifat ihsan. Iaitu komponen kedua integriti. Ihsan terbahagi kepada dua bahagian, pertama ihsan kepada Allah dikhususkan dalam urusan pengibadatan. Dan bahagian kedua, ihsan kepada makhluk. Dalam hal berkaitan ibadat iaitu ihsan kepada Allah, ihsan ini mampu membawa kepada kekhusyukan kerana seseorang itu seolah-olah melihat Allah. Kalau tidak mampu sebegitu, seseorang itu dapat merasakan Allah Maha Melihat setiap yang dikerjakan. Ihsan kepada makhluk merangkumi ihsan kepada diri sendiri, ibubapa, kaum keluarga, anak yatim, orang miskin, haiwan dan alam (Ahmad Nirwan Ariandi, 2019). Ihsan kepada makhluk ini adalah dengan cara berbuat baik kepada mereka iaitu tidak menzalimi mereka, tidak merampas hak mereka, tidak menindas mereka, tidak memusnahkan mereka dan tidak menyakiti mereka (Siti Sarah et. al, 2023).

Komponen seterusnya ialah amanah. Amanah sering dikaitkan dengan integriti. Nilai amanah perlu sentiasa dipelihara agar tidak berlakunya kezaliman atau membelakangi hak kemanusiaan (Al-Tabari, 1988, Hanafi Hamdani et. al, 2013). Menjadi kewajipan bagi manusia untuk memikul tanggungjawab dalam konteks memastikan nilai amanah sentiasa subur diamalkan serta mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Nilai amanah ini apabila sudah menjadi darah daging seseorang manusia itu, ia akan menjadi benteng mereka daripada melakukan perkara-



perkara yang membelakangi agama (syariat) mahupun undang-undang yang telah ditetapkan oleh negara (Siti Sarah et. al, 2023). Komponen terakhir yang sangat penting juga ialah bersifat dengan sifat qana'ah. Qana'ah bermaksud rela dan merasa cukup dengan apa yang dimiliki, serta menghindari rasa tidak puas dalam menerima pemberian daripada Allah (Shalahuddin, 2013; Umaimah & Wan Norhaniza, 2016). Menurut Johari Alias (1994), sifat ini merupakan sifat yang tidak rakus untuk berusaha bagi mendapatkan sesuatu yang diinginkan.

Membincangkan integriti dari sudut wahyu hadith Nabi s.a.w. pula, di datangkan kajian yang telah dilakukan oleh Hanafi Hamdani. Beliau berpandangan bahawa kefahaman mengenai integriti banyak bersumberkan dari nilai, etika dan prinsip-prinsip akhlak Islam yang diadaptasi melalui hadith Nabi s.a.w. (Hanafi Hamdani et. al, 2013). Menurut beliau lagi, pembentukan nilai-nilai integriti seringkali dikaitkan dengan menzahirkan nilai-nilai amanah, jujur, kebolehan percayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri. Nilai teras utama dalam pembentukan integriti dengan bersandarkan perspektif hadith Nabi s.a.w. ialah amanah. Nilai teras ini mempunyai pengaruh yang amat besar kerana nilai yang sedemikian merupakan motivasi dalaman yang mampu menolak, mendorong dan menggerakkan seseorang itu mengamalkan sifat-sifat berintegriti. Bahkan juga, nilai amanah merupakan nilai kepunyaan agama yang bukan sahaja universal sifatnya bahkan serasi sifatnya dengan semua agama (Hanafi Hamdani et. al, 2016).

Antara hadith yang membincangkan berkaitan amanah adalah hadith yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi yang berstatus hasan yang maksudnya: "Sesungguhnya ahli perniagaan yang jujur lagi amanah akan bersama-sama para Nabi, kumpulan orang yang jujur dan para syuhada (di hari kebangkitan)." Islam amat mementingkan amanah kerana ia membentuk kestabilan masyarakat. Orang yang amanah atau al-Amin mendapat kepercayaan dan penghormatan masyarakat. Sebaliknya orang yang khianat itu pula atau al-Kha'in menjadi tumpuan kemarahan dan kehinaan (Hanafi Hamdani et. al, 2016).

## 5.2 Integriti dan peranannya dalam pembangunan lestari Islam

Bagi merealisasikan dan melancarkan pembangunan lestari Islam, ia bermula dari pelaksanaan etika kerja Islam yang jitu dan konsisten. Ini kerana, etika kerja Islam telah terbukti memberi kesan positif terhadap fungsi organisasi, membawa kepada pembangunan organisasi yang mampan dan meningkatkan kepuasan pelanggan (Caniago & Mustoko, 2020). Manakala, membicarakan siapakah yang memegang peranan yang besar dalam menjalankan etika kerja Islam ini pastilah manusia itu sendiri. Mereka mestilah diberi didikan dan pemupukan tentang kewajipan menjaga dan memelihara alam semula jadi, kerana antara tugas manusia dihidupkan di atas muka bumi ini adalah sebagai pengurus dan bukanlah pemilik (Muhamad et al., 2022).

Peranan sebagai pengurus alam ini disebut sebagai khalifah. Bersesuaian dengan peranan manusia sebagai khalifah, semestinya seseorang manusia itu perlu kembali kepada petunjuk wahyu iaitu al-Quran dan al-Hadith di mana kedua-dua ini

merupakan sumber utama dalam Islam. Dan semestinya perbincangan lestari dalam wahyu ini tidak terbatas pada soal ekonomi, sosial dan alam sekitar semata-mata. Pasti ia akan dikaitkan dengan kerohanian. Ini kerana, dalam melaksanakan dan merealisasikan sesuatu yang bersifat baik atau buruk ia datang dari dalaman seseorang yang disebut spiritual. Jika spiritual manusia itu dibentuk, dididik dan diajar perkara kebaikan, masakan ia akan menjadi manusia yang zalim, rakus dan perosak.

Dalam memastikan alam yang telah diamanahkan buat manusia ini dipelihara, dijaga dan dipulihara, pastinya memerlukan usaha yang bermula sedari kecil. Iaitu membentuk sifat integriti dalam hidup. Ia bermula dengan mempasakkan kepercayaan dan ketakutan kepada Tuhan pemunya alam. Menanamkan rasa takut ini adalah usaha mendidik untuk menjadikan seseorang manusia itu bertaqwa kepada Allah dan sebagai benteng dari melakukan sesuatu yang Allah tidak suka dan tidak redhai. Selain itu, taqwa merupakan konsep Islam yang merangkumi ketaatan dan keyakinan kepada Allah, memainkan peranan penting dalam pembangunan Islam yang mampan. Dari perspektif Islam ia menekankan penggunaan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar secara lestari, selaras dengan prinsip taqwa (Nawaz et al., 2022). Ini disokong lagi oleh perspektif Islam mengenai kemampanan, yang menekankan kepentingan memupuk budaya Islam dan menggalakkan kecerdasan rohani dalam kalangan pekerja untuk mencapai kelestarian organisasi (Akhtar et al., 2017). Selain itu, pandangan dunia Islam terhadap pembelajaran dewasa di tempat kerja menekankan membantu pembangunan individu dan meningkatkan pemahaman masyarakat dan peraturan moralnya, yang boleh menyumbang kepada amalan mampan dalam organisasi (Akdere et al., 2006).

Selepas didikan takutkan menerusi taqwa kepada Allah, secara tidak langsung melahirkan sifat ihsan dalam diri. Konsep ihsan yang merangkumi idea melakukan kebaikan dan bertindak dengan cemerlang, mempunyai perkaitan yang ketara dalam konteks pembangunan lestari Islam. Prinsip Islam ihsan berkait rapat dengan pelbagai aspek pembangunan mampan, termasuk pemberian amal, pemuliharaan alam sekitar, kewangan mampan, dan amalan perniagaan yang beretika (Rizal & Amin, 2017). Rahman & Jalil (2021) menggariskan bahawa ihsan dalam nilai Islam, yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar, menekankan peranannya dalam menggalakkan amalan alam sekitar yang mampan (Rahman & Jalil, 2021; Sunarya & Rusydiana, 2022).

Ihsan itu bermula kepada manusia, haiwan, tumbuhan dan alam itu sendiri. Bagi menjayakan misi pembangunan lestari Islam ini, penerapan nilai ihsan bermula sedara kecil. Iaitu dengan membentuk keperibadian yang bertanggungjawab, melakukan kebaikan dan menjadi manusia bermanfaat buat sesama manusia, makhluk dan alam, penerapan-penerapan ini sedari kecil akan menjadi penghalang manusia dari melakukan kerosakkan dan penindasan. Contohnya, didik bahawa setiap atas muka bumi ini adalah pinjaman dari Allah seperti pokok balak, maka apabila ingin melakukan pemotongan balak, mestilah dilihat kebaikan dan keburukan akibat perbuatan itu. Akhirnya, akan membawa seseorang itu untuk menolak dari melakukan pembalakan haram sekalipun penjualan balak itu hasilnya sungguh lumayan kerana pembalakan

haram mampu memberi kesan yang besar kepada alam. Selain itu, menghalang diri dari melakukan penganiayaan serta penderaan ke atas haiwan. Kerana menyedari bahawa berbuat baik kepada haiwan adalah salah satu akhlak mulia yang perlu ada pada manusia.

Seterusnya, salah satu kaedah terbaik dalam merealisasikan pembangunan lestari ialah melalui pengurusan sumber alam yang cekap dan efisien (UPE, 2015; Umaimah & Wan Norhaniza, 2016). Pengurusan sumber alam untuk tujuan pembangunan melibatkan aspek kepenggunaan sumber alam tersebut sebagai alat untuk membolehkan pembangunan terlaksana. Atas sebab itu, kepenggunaan menjadi satu aspek penting dalam pembangunan lestari. Salah satu kaedah kepenggunaan yang terkandung dalam ajaran Islam ialah sifat *qana'ah* semasa proses kepenggunaan alat pembangunan ini berlangsung. Menurut Usman Aminu Umar dan Mohd Faris Khamidi (2012), dalam Islam interaksi persekitaran manusia dipandu oleh konsep manusia sebagai khalifah dan dalam Islam juga menekankan konsep keamanan serta kesederhanaan apabila menggunakan sumber alam. Justeru, alam sekitar sebagai sumber melaksanakan pembangunan hanya terhad sekiranya manusia mempunyai keinginan yang tidak terbatas sekali gus nafsu yang rakus (Umaimah & Wan Norhaniza, 2016). Menghindari penyakit melampaui batas dan menurut keinginan nafsu adalah dengan memupuk dan mendidik diri dan masyarakat berkaitan *qana'ah*. Selain dari menekankan soal merasa cukup dengan apa yang ada, penekanan juga mesti diberikan bahawa 1) alam ini punya undang-undang tersendiri 2) hidup ini tidak akan pernah untuk merasa puas, tetapi setiap yang dilakukan pasti akan dinilai disisi Allah 3) tidak menggunakan kuasa yang dimiliki untuk melayani kehendak nafsu yang cintakan dunia dan 4) hiduplah dengan penuh kesederhanaan kerana setiap yang dimiliki tidak kekal.

Setelah itu, mendidik dan menanam sifat amanah pada diri seseorang itu adalah sangat penting dalam memastikan pembangunan lestari Islam berjaya dilaksanakan. Memetik pandangan Odeh Rashed Al Jayyousi (2012), pembangunan lestari membawa kepada kebahagiaan kerana manusia perlu berkelakuan baik dan melakukan kebaikan bukan sahaja kepada diri mereka sendiri malahan kepada alam sekitar juga. Selain itu, konsep amanah berkait rapat dengan tingkah laku yang beretika dan bertanggungjawab, seperti yang diketengahkan oleh Islam, dan menurut Samsudin (2018), beliau mengemukakan maksud amanah menurut ahli leksikograf dan sarjana Muslim, amanah sangat penting dalam mewujudkan keamanan dalam masyarakat. Ini menunjukkan dimensi etika dan moral amanah dalam konteks pembangunan mampan, khususnya dalam menggalakkan kepercayaan dan keadilan dalam masyarakat. Ini jelas menunjukkan bahawa betapa petingnya amanah dalam diri seseorang itu dan akhirnya membawa kesejahteraan dan keamanan dalam masyarakat.

Manusia sebagai khalifah dimuka bumi memegang amanah yang besar iaitu dipertanggungjawabkan untuk menjaga alam semesta dengan baik. Untuk melahirkan manusia yang memahami tanggungjawab yang besar ini, mereka mestilah dididik dengan sifat amanah bermula dari kecil dan dari sekecil-kecil perkara. Ini kerana agenda amanah dalam menjaga alam adalah agenda yang cukup besar. Amanah adalah

elemen dalam integriti, maka dalam memastikan pelaksanaan pembangunan lestari Islam dapat dilaksanakan dengan baik, betapa penanaman sifat amanah ini sangat penting. Dengan menyedari hakikat ini, akan melahirkan manusia yang beretika seterusnya mampu membawa keamanan, lesejahteraan dan agenda pembangunan lestari Islam dapat direalisasikan dengan komited dan berterusan.

## **6. KESIMPULAN**

Kajian berkaitan integriti menurut perspektif wahyu ini menuntaskan bahawa di dalam al-Quran mahupun hadith tidak menyebut secara spesifik berkaitan integriti. Tetapi ia dapat didapati menerusi kajian mendalam pada elemen yang membentuknya. Integriti dalam al-Qur'an dapat dibahagikan kepada empat iaitu taqwa, ihsan, qana'ah dan amanah. Manakala dalam hadith perbincangan yang lebih dekat untuk maksud integriti adalah amanah. Keempat-empat elemen yang membentuk integriti ini sangat penting untuk diperhalusi, dipupuk dan dididik kepada setiap anggota masyarakat. Ini kerana, bagi merealisasikan pembangunan lestari Islam, aspek integriti adalah yang paling utama diberi perhatian. Usaha merealisasikan pembangunan lestari Islam akan lebih terarah dan menemui jalan dengan benar-benar kembali kepada petunjuk wahyu iaitu menerusi panduan al-Quran dan al-Hadith.

Dari analisis kajian yang dijalankan, kajian ini memberi sumbangan dalam menemukan aspek yang penting yang perlu dimiliki oleh semua masyarakat bagi merealisasikan pembangunan lestari berteraskan Islam. Akhir sekali, kajian ini memberi pendedahan bahawa dalam memastikan pembangunan lestari Islam dapat dijayakan, setiap lapisan masyarakat perlulah memiliki etika integriti dalam diri mereka. Dan etika integriti itu pula semestinya yang datang dari petunjuk illahi dan sunnah Rasulullah. Di cadangkan agar kajian sebegini dilakukan dengan melihat etika lain yang perlu dididik dan dipupuk kepada masyarakat agar pembangunan lestari Islam ini dapat berjalan dengan baik dan terlaksana dengan jayanya.

## **7. PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam atas Geran Penyelidikan Dalaman ACIS (GPD ACIS) 2022. Geran tersebut bertajuk Model Aplikasi Integriti Dalam Pembangunan Lestari Islam. 600-RMC/ACIS\_IRES 5/3(002/2022).

## **RUJUKAN/ REFERENCES**

- [1] Al-Quran al-Karim.

- [2] Ahmad Nazrul Alif Yahya & Wan Norhaniza Wan Hasan (2021). Sustainable Development from Islamic Perspective: Analysis Views of Scholar. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 22(1): 227-236.
- [3] Akdere, M., Russ-Eft, D., & Eft, N. (2006). The islamic worldview of adult learning in the workplace: surrendering to god. *Advances in Developing Human Resources*, 8(3), 355-363. <https://doi.org/10.1177/1523422306288428>.
- [4] Akhtar, S., Arshad, M. A., Mahmood, A., & Ahmed, A. (2017). Spiritual quotient towards organizational sustainability: the islamic perspective. *World Journal of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development*, 13(2), 163-170. <https://doi.org/10.1108/wjemsd-01-2017-0002>.
- [5] Caniago, S. and Mustoko, D. (2020). The effect of islamic work ethics on organizational commitment, job satisfaction, and turnover intentions of islamic microfinance in pekalongan. *International Journal of Islamic Business and Economics (Ijibec)*, 4(1), 30-39. <https://doi.org/10.28918/ijibec.v4i1.1571>.
- [6] Hanafi Hamdani, Faisal Ahmad Shah & S.Salahudin Suyurno (2013). Nilai Teras Integriti Berdasarkan Analisis Hadith Amanahdi Dalam Al-Sahihayn. *Jurnal Fikrah CITU*.
- [7] Islam, S. and Samsudin, S. (2018). Interpretations of al-amanah among muslim scholars and its role in establishing peace in society. *Social Change*, 48(3), 437-450. <https://doi.org/10.1177/0049085718781689>.
- [8] Johari Alias (1994). *Mengurus keduaniaan qana'ah (redha), miskin, kaya mewarnakan cara hidup Islam*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- [9] Muhamad, S. F., Zain, F. A. M., Samad, N. S. A., Rahman, A. H. A., & Yaso, M. R. (2022). Measuring sustainable performance of islamic banks: integrating the principles of environmental, social and governance (esg) and maqasid shari'ah. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 1102(1), 012080. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/1102/1/012080>.
- [10] Nawaz, S., Habeeb, Z., & Jamsheid, A. (2022). Sustainable development and islam: content analysis of higher education curriculum. *Journal of Social Research Development*, 3(02), 297-310. <https://doi.org/10.53664/jsrd/03-02-2022-13-297-310>.

- [11] Niaz Ahmed Khan (2001). "Sustainable Development and Islamic Ethics: A Primer on the conceptual linkages", dlm. *Journal of Islamic Administration*, Vol. 4-5. NO. 1. hal. 27-36.
- [12] Noor Hanita Abdul Majid dan Ibrahim Udale Hussaini (2011). *Islam and The Concept of Sustainable Development* diakses pada 3 September 2015 daripada <http://www.medinanet.org/index.php/islamic-issues/165-islam-and-the-concept-of-sustainable-development?>.
- [13] Odeh Rashed Al Jayyousi (2012). *Islam and Sustainable Development: New Worldviews*. Gower Publishing.
- [14] Rahman, N. A. and Jalil, M. H. (2021). Awareness of the role of "religious people" in environmental conservation from the perspective of islamic studies students. *Creative Education*, 12(08), 1755-1772. <https://doi.org/10.4236/ce.2021.128133>.
- [15] Shaharir Mohd Zain. (2012). A New Paradigm of Sustainability. *Journal of Sustainable Development*. 5(1), 91–99. Sustainability Indicators for Malta, pp1-9.
- [16] Shalahudin. (2013). *Qana'ah dalam perspektif Islam*. Edu-Math.
- [17] Siti Nur Aafifah Binti Hashim. (2017). Zuhud Untuk Pembangunan Lestari Islam. *ISDEV International Graduate Workshop ke-12 (INGRAW2017)* di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Penang.
- [18] Siti Sarah Izham, Noor Aznaim Abd Latib, Mohamad Khairul Izwan Rifin, Amiratul Munirah Yahaya & Shofiyyah Moidin. 2023. Nilai Teras Integriti dalam Institusi Kekeluargaan berpandukan Qasas al-Quran. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*. Vol. 30. No. 2.
- [19] Sunarya, S. L. and Rusydiana, A. S. (2022). A qualitative review on islamic sustainable finance. *Al-Muzara'ah*, 10(2), 197-212. <https://doi.org/10.29244/jam.10.2.197-212>.
- [20] Umaimah Mohd Sharef & Wan Norhaniza Wan Hasan. 2016. Realisasi Pembangunan Lestari Islam di Malaysia: Qanaah dalam Kepenggunaan Sumber Alam dalam *Pembangunan Lestari Islam: Konsep & Aplikasi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.



- [21] UPE (Unit Perancang Ekonomi). (2015). *Rancangan Malaysia kesebelas 2016-2020 pertumbuhan berpaksikan rakyat*. Kuala Lumpur: Unit Perancangan Ekonomi.
- [22] Usman Aminu Umar & Mohd Faris Khamidi. (2012). Green and Sustainable Development in an Islamic Perspective. Conference Paper.